

PRIVACY NOTICE

At Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG), we value your privacy and strive to protect your personal information in compliance with the laws of Malaysia.

This Privacy Notice outlines our commitment to protecting and safeguarding your personal information. If you are reading this Privacy Notice on behalf of a company or business that has or had a contractual relationship with TNG, this Privacy Notice is intended for any individual acting on your behalf and/or whose personal information you have provided to TNG. References to “**you**” or “**your**” in this Privacy Notice refer to these individuals.

TNG will only collect, record, hold, use, disclose and store (collectively, “**process**”) your personal information in accordance with applicable laws including the Personal Data Protection Act 2010, this Privacy Notice, as well as any privacy terms set out in your agreement with TNG.

This Privacy Notice explains:

- Type of personal information we collect and how we collect it;
- How we use your personal information;
- Who do we share your personal information with;
- How we process and safeguard your personal data; and
- Your rights over your personal data, including how you can view, update or manage it.

For the purposes of this Privacy Notice, please note that:

- “**TNG**”, “**we**” or “**us**” refers to Touch 'n Go Sdn Bhd.
- “**Personal information**” refers to any information which relates directly or indirectly to you and/or your transactions with us. This information includes your name, address, occupation, contact details, the details of your account(s), the type of products and/or services subscribed to and such other necessary information regarding yourself and your transaction(s) with us. For the avoidance of doubt, please note that this Privacy Notice is applicable only if you are an individual.

1. OUR COMMITMENT

- 1.1 We are committed to protecting any personal information shared with us by adhering to strict security standards and confidentiality rules.
- 1.2 We collect and use only personal information necessary to serve you better. This includes informing you about our products, services and offers, and supporting our business operations.
- 1.3 Access to personal information is restricted to authorised employees who are trained in the proper data handling and privacy practices.
- 1.4 When working with third-party or service provider who may have access to personal information, we ensure they comply with our privacy standards and safeguards your personal information accordingly.

- 1.5 To keep your personal information safe and secure, we educate our employee about our privacy and security policies and ensure strict adherence to these guidelines.

2. TYPE OF PERSONAL INFORMATION WE COLLECT AND HOW WE COLLECT IT

- 2.1 If you are a parent or legal guardian of an individual below the age of eighteen (18), you must not permit that individual to disclose their personal information to TNG unless you have read and agree to this Privacy Notice.

- 2.2 To provide our products and services, respond to your questions, manage your account and/or fulfil your request, we may need to process your personal information. This may include:

- a. basic details like your name, address, date of birth, telephone number, mobile phone number, and email address;
- b. profile information such as your photo or avatar, gender, age, ethnicity, marital status, educational, occupation, salary range, interests, hobbies, location, TNG card serial number, device ID, and passwords;
- c. identity details such as personal information, photos, images and biometrics data to verify your identity and background;
- d. specimen signatures, both handwritten and digital;
- e. financial information about your risk preferences, financial status, and any business interests or assets you may own;
- f. technical data including language, postcode, area code, unique device identifier, location and the time zone where the TNG products or services are offered or used;
- g. behavioural data such as your activities, habits, preferences and interests based on your usage TNG's products and services, including those offered by our partners or vendors;
- h. electronic data such as IP addresses, cookies, activity logs, online identifiers and location data which we collect when you use or receive our products and services and/or
- i. inferred data generated by automated systems or artificial intelligence such as behavioural profiles, risk scores, or service preference based on your interactions with our products and services.

- 2.3 We may obtain this information from yourself or through various sources, including but not limited to:

- a. your interaction with us, such as information provided in application forms (physical or online), account registration, and usage of our products and services;

- b. other sources you have consented to including your activity with TNG eWallet, merchants and transaction made using our products and services;
- c. information you provide when you apply for any of our products and services, including feedback, surveys, competitions and promotions;
- d. written communication such as complaints or service-related issues, which we use to respond to you and resolve concerns;
- e. usage data from our websites, products and services, including account management, transaction history and payment records;
- f. verbal and written communications with us and/or our authorised agents via SMS, phone, mobile applications, email, mail, websites, browsers, social media and/or any other channels;
- g. Closed-Circuit Television (CCTV) recordings at our premises or locations where our Radio Frequency Identification (RFID) or License Plate Recognition (LPR) products or services are offered;
- h. information from government bodies, law enforcement agencies, and credit reporting agencies such as Central Credit Reference Information System (CCRIS), Financial Information Services (FIS), or other entities established by Bank Negara Malaysia or other authorities, including banks;
- i. data from refund, settlement or reconciliation claims and related documents; and/or
- j. information collected when you visit our websites and/or download our mobile device applications which may include your device's IP address or from data that is collected via cookies.

3. HOW WE USE YOUR PERSONAL INFORMATION

3.1 We may use your personal information for one or more of the following purposes:

- a. Customer Relationships and Account Management
 - i. to process your registration, applications, orders, requests, feedback, enquiries or complaints related to our products and services.
 - ii. to manage and maintain your account with us including updates, consolidation or improvement to our records.
- b. Service Delivery and User Experience
 - i. to enhance your experience with our digital platforms, including improving the usability and notifying you of updates or changes.

- ii. to provide customer support, data verifications, process refunds, conduct market research and satisfaction surveys, and assess your interest in our offerings.
 - iii. to conduct research for analytical purposes including but not limited to information processing, management and enhancement of data, data mining and analysis of your transactions with us
 - iv. to collaborate with affiliates, partners, and service providers for seamless service delivery, including system integration and data migration.
- c. Marketing and Promotions
 - i. to share offers, updates, and promotions from us or our trusted partners and/or affiliates via email, SMS, social media, or other channels.
 - ii. to manage contests, promotions, and special campaigns.
- d. Product and Service Improvements
 - i. to understand how you interact with our services and identify usage patterns and preferences.
 - ii. to test, develop, and enhance new features or services that align with your needs.
 - iii. to analyse data and trends for the continuous improvement.
 - iv. to generate anonymised reports and statistics for analysis and planning.
- e. Legal, Compliance and Risk Management
 - i. to conduct credit assessments and evaluate repayment behaviour.
 - ii. to meet legal, regulatory, and audit obligations, including compliance with applicable laws, sanctions, and disclosure requirements.
 - iii. to detect, prevent, and investigate fraud, money laundering, and other unlawful activities.
 - iv. to develop and maintain risk management models for audit, compliance, and operational integrity.
 - v. to protect and enforce our legal rights, including debt recovery, dispute resolution, and the safeguarding of our assets and those of our partners.
 - vi. to transfer or assign our rights and obligations under any agreement with you, where necessary or permitted by law.
 - vii. to comply with any legal or regulatory requirements imposed by authorities or judicial processes.

3.2 Cookies and Tracking Technologies

- a. We may use cookies and similar technologies to enhance your experience, remember your preferences, recommend products or content and analyse usage.
- b. You may adjust your browser or device settings to manage or disable these tools. However, doing so may affect the functionality of certain features or personalised services.

3.3 Automated Processing and Artificial Intelligence

- a. We may use automated systems, including artificial intelligence, to process your personal information for purposes such as service personalisation, fraud detection, risk assessment, and operational efficiency. These systems may analyse your interactions, preferences, and behaviours to generate insights or make decisions that support our services.
- b. Where such processing may significantly affect you, we will ensure appropriate safeguards are in place, including the right to request human intervention, express your point of view, or contest the decision.

3.4 Third-Party Sites and Related Services

- a. We may use third parties to track advertising effectiveness. These third parties do not collect any personal information.
- b. Our websites, portals, platforms and applications may contain links to third-party websites or incorporate products and services. Our products and services may also use or offer products or services from third parties. These third-party offerings may collect information such as location data or contact details, which are governed by their privacy policies and practices.
- c. Please note that these third-party sites, products and services are not covered by this Privacy Notice. We strongly encourage you to review the privacy policies of these third-party sites, products or services before using them or submitting any personal information. TNG does not accept any responsibility or liability for the content, privacy practices, or security of these external sites.

3.5 Consent for New Purposes: We will seek your consent before using your personal information for purposes not outlined in this Privacy Notice or your agreement with TNG.

4. WHO DO WE SHARE YOUR PERSONAL INFORMATION WITH

- 4.1 To operate, manage, and deliver our products and services, and for the purposes outlined in this Privacy Notice, you consent to and authorise us to share your personal and/or account information with:

- a. entities related to Touch 'n Go Sdn Bhd including CIMB Group Holdings Bhd* and affiliate, TNG Digital Sdn Bhd**;
- b. third party engaged to support our operations, including agents, affiliates, service providers, contractors, merchants, business partners, lawyers, and/or professional advisers (and their respective employees, directors, sub-contractors, and agents) including any legal entity under a duty of confidentiality to us which has undertaken to keep such information confidential;
- c. financial institutions, and other entities that assist in processing or completing your transactions, including TNG Digital Sdn Bhd for services accessed via the eWallet;
- d. organisations that help us deliver value added services and/or communicate product and service information to you;
- e. regulatory, statutory and governmental bodies including Bank Negara Malaysia, law enforcement agencies, courts, dispute resolution bodies and their appointed representatives;
- f. central depository or depository agent in relation to the securities industry;
- g. insolvency department and debt recovery agents appointed by us;
- h. individuals or organisations bound by confidentiality obligations;
- i. any party we may deem necessary to facilitate any investigation related to fraud and/or illegal activities;
- j. trustees, beneficiaries, administrators, executors and your authorised advisers (including but not limited to accountants, auditors, lawyers, financial advisers or other professional advisers);
- k. any person you have authorised to act on your behalf in relation to your account, products or services; and/or
- l. any person involved in enforcing or protecting our rights under the agreement with you, in accordance with applicable laws and regulations, within or outside Malaysia.

Note:

* Touch 'n Go Sdn Bhd is a wholly-owned subsidiary of CIMB Group Holdings Bhd.

** TNG Digital Sdn Bhd is an associate company to Touch 'n Go Sdn Bhd.

Disclosure of information with regards to registered Touch 'n Go card and/or RFID Tag

4.2 If the Touch 'n Go card or RFID Tag is registered under another person's account, but you are:

- a. holding and/or using the Touch 'n Go card or the RFID Tag; and/or

- b. authorised by the registered owner to deal with TNG on matters related to the Touch 'n Go card or RFID Tag,

TNG will not disclose any information regarding the Touch 'n Go card or RFID Tag to you unless you provide an official authorisation letter from the registered owner and TNG reserves the right to contact the registered owner to verify the authorisation. If the registered owner cannot be reached, you must verify the transactions made using the Touch 'n Go card or RFID Tag and submit a written confirmation to TNG stating that you are the current holder and user of the Touch 'n Go card or RFID Tag.

5. HOW WE PROCESS AND SAFEGUARD YOUR PERSONAL DATA

5.1 Transfer of Your Personal Information Outside Malaysia

We may transfer your personal information to countries outside of Malaysia. When we do, we make sure your personal information stays protected and is handled according to this Privacy Notice and relevant data protection laws. This includes evaluating the level of data protection in that country and putting legal safeguards in place when needed.

5.2 Security of Your Personal Information

- a. We treat your personal information as an important asset and take steps to keep it safe and secure. To safeguard your personal information from loss, theft, misuse, unauthorised access, disclosure, alteration or destruction, we implement a range of physical, administrative and technical safeguards. We regularly review and update our security practices to reflect current standards.
- b. We implement safeguards to ensure that personal information processed by AI systems is secure, fair, and transparent. This includes regular audits, bias mitigation measures, and ensuring that AI systems operate within ethical and legal boundaries.
- c. Our employees are trained to handle the personal information properly. Any failure to comply with our data protection standards may result in disciplinary action, in accordance with our internal policies.

5.3 Retention of Your Personal Information

We keep your personal information only for as long as needed to support your relationship with us. This includes while your account is active, while we are providing you our products or services, or as required by law. We manage your personal information in accordance with this Privacy Notice, our agreements with you, our internal retention policies, and applicable laws.

5.4 Limitation due to Incomplete Personal Information

Some personal information is required when you apply for and/or use our products or services. If you choose not to provide it, we may not be able to process your application, respond to your requests or complaints, or offer you our products or services.

6. YOUR RIGHTS OVER YOUR PERSONAL INFORMATION

6.1 Access and Correction

- a. You have the right to access and correct your personal information. If you believe the information we held is inaccurate, incomplete, misleading or not up-to-date, you may submit a request to careline@touchngo.com.my or privacy@touchngo.com.my or visiting your nearest TNG Service Centres or Hubs.
- b. We will do our best to comply respond within twenty-one (21) days of receiving your request and any applicable processing fee (where applicable).
- c. You are entitled to request for selected information in a machine-readable format, subject to applicable fees and charges.
- d. In some cases, we may not be able to grant access to your personal information—for example, if we cannot verify your identity, if the information requested is commercially sensitive, or if we receive repeated requests for the same information. In such cases, we will inform you of the reason.
- e. We may also ask for supporting documents to verify any updates or corrections to prevent fraud and ensure accuracy.

6.2 Consent and Usage Preferences

- a. You may choose how your personal information is used, retained, or disclosed, subject to our legal and contractual obligations. If you wish to withdraw your consent or limit how we use your personal information, you may contact us at careline@touchngo.com.my or privacy@touchngo.com.my. Please note that doing so may affect our ability to provide certain products or services, and you may no longer be able to use them. We may be required to retain certain personal information to comply with applicable laws and regulations or fulfil contractual obligations. While we do not retain personal information longer than necessary, we may not be able to delete your personal information even if consent is withdrawn.
- b. Where your personal information is processed using automated decision-making systems or artificial intelligence, we will obtain your explicit consent where required by law, particularly in cases involving sensitive personal data. You may withdraw this consent at any time, subject to the same legal and contractual requirements.

6.3 Communication Preferences

Some communications such as emails, newsletters, statements of account and/or notices, are part of our standard service delivery. These may include general information about our products and services. Such content cannot be removed without affecting the operation of your account, the delivery of services, or resulting in additional costs.

6.4 Keeping Your Information Up to Date

Please ensure your personal information (such as your mailing address, email and phone number) are current, complete and accurate. You should notify us of any change in accordance with Clause 6.1 (Access and Correction) to ensure that all correspondence and/or communication reach you in a timely manner and to enable us to serve you effectively.

7. CONTACT US

If you have any question about this Privacy Notice or how we handle your personal information, kindly contact our Careline Team or Data Protection Office at the following contact points:

Telephone +60327148888 (Monday to Friday from 8am to 8pm)

Email careline@touchngo.com.my
privacy@touchngo.com.my

Address Touch 'n Go Sdn Bhd
Level 6, Tower 6, Avenue 5,
Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur
Malaysia

8. UPDATES TO THIS PRIVACY NOTICE

This Privacy Notice may be updated from time to time. When changes are made, we will inform you through our website or other appropriate communication channels. By continuing to use our products or services after such updates are published, you are deemed to have accepted the revised Privacy Notice. We encourage you to review this Privacy Notice periodically to stay informed about how we manage and protect your personal information.

9. LANGUAGE

This Privacy Notice is also available in Bahasa Malaysia. In the event of any conflict or ambiguity between the English and Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

NOTIS PRIVASI

Di Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG), kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang Malaysia.

Notis Privasi ini menerangkan komitmen kami untuk melindungi dan menjaga keselamatan maklumat peribadi anda. Sekiranya anda membaca Notis Privasi ini bagi pihak sesebuah syarikat atau perniagaan yang mempunyai atau pernah mempunyai hubungan kontrak dengan TNG, Notis Privasi ini ditujukan kepada mana-mana individu yang bertindak bagi pihak anda dan/atau yang maklumat peribadinya telah anda berikan kepada TNG. Rujukan kepada **“anda”** dalam Notis Privasi ini merujuk kepada individu-individu tersebut.

TNG hanya akan mengumpul, merekod, menyimpan, menggunakan, menzahir dan menyimpan (secara kolektif dirujuk sebagai **“memproses”**) maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang yang terpakai termasuklah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Notis Privasi ini serta sebarang terma privasi yang dinyatakan dalam perjanjian anda dengan TNG.

Notis Privasi ini menerangkan:

- Jenis maklumat peribadi yang kami kumpul dan cara ia dikumpulkan;
- Cara kami menggunakan maklumat peribadi anda;
- Pihak yang kami kongsi maklumat peribadi anda;
- Cara kami memproses dan melindungi data peribadi anda; dan
- Hak anda terhadap data peribadi anda, termasuk cara untuk melihat, mengemaskini atau menguruskan data tersebut.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- **“TNG”** atau **“kami”** merujuk kepada Touch 'n Go Sdn Bhd.
- **“Maklumat peribadi”** merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Maklumat ini termasuk nama, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, butiran akaun, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan serta maklumat lain yang diperlukan berkaitan dengan diri anda dan transaksi anda dengan kami. Bagi mengelakkan keraguan, sila ambil perhatian bahawa Notis Privasi ini hanya terpakai sekiranya anda merupakan seorang individu.

1. KOMITMEN KAMI

- 1.1 Kami komited untuk melindungi sebarang maklumat peribadi yang dikongsi dengan kami dengan mematuhi piawaian keselamatan yang ketat dan peraturan kerahsiaan.
- 1.2 Kami hanya mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi yang diperlukan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda. Ini termasuk memaklumkan anda tentang produk, perkhidmatan dan tawaran kami, serta menyokong operasi perniagaan kami.
- 1.3 Akses kepada maklumat peribadi dihadkan kepada kakitangan yang diberi kuasa dan terlatih dalam pengendalian data serta amalan privasi yang sewajarnya.
- 1.4 Apabila bekerjasama dengan pihak ketiga atau penyedia perkhidmatan yang mungkin mempunyai akses kepada maklumat peribadi, kami akan memastikan bahawa mereka

mematuhi piawaian privasi kami dan melindungi maklumat peribadi anda sebagaimana yang sewajarnya.

- 1.5 Untuk memastikan maklumat peribadi anda kekal selamat dan terjamin, kami memberikan latihan kepada kakitangan kami mengenai dasar privasi dan keselamatan kami serta memastikan pematuan yang ketat terhadap garis panduan tersebut.

2. JENIS MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPUL DAN CARA KAMI MENGUMPULNYA

- 2.1 Sekiranya anda merupakan ibu bapa atau penjaga sah kepada individu yang berumur bawah lapan belas (18) tahun, anda tidak boleh membenarkan individu tersebut menzahirkan maklumat peribadinya kepada TNG melainkan anda telah membaca dan bersetuju dengan Notis Privasi ini.

- 2.2 Untuk membekalkan produk dan perkhidmatan kami, menjawab pertanyaan anda, mengurus akaun anda dan/atau memenuhi permintaan anda, kami mungkin perlu memproses maklumat peribadi anda. Ini mungkin termasuk:

- a. butiran asas seperti nama, alamat, tarikh lahir, nombor telefon, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel anda;
- b. maklumat profil seperti gambar atau avatar anda, jantina, umur, etnik, status perkahwinan, tahap pendidikan, pekerjaan, julat gaji, minat, hobi, lokasi, nombor siri kad TNG, ID peranti dan kata laluan;
- c. butiran identiti seperti maklumat peribadi, gambar, imej dan data biometrik untuk mengesahkan identiti dan latar belakang anda;;
- d. spesimen tandatangan, sama ada ditulis tangan atau digital;
- e. maklumat kewangan mengenai keutamaan risiko anda, kedudukan kewangan anda, serta sebarang kepentingan perniagaan atau aset yang anda miliki;
- f. data teknikal termasuk bahasa, poskod, kod kawasan, pengecam peranti unik, lokasi dan zon waktu di mana produk atau perkhidmatan TNG ditawarkan atau digunakan;
- g. data tingkah laku seperti aktiviti, tabiat, keutamaan dan minat anda berdasarkan penggunaan produk dan perkhidmatan TNG, termasuk yang ditawarkan oleh rakan kongsi atau vendor kami;
- h. data elektronik seperti alamat IP, kuki, log aktiviti, pengecam dalam talian dan data lokasi yang kami kumpulkan apabila anda menggunakan atau menerima produk dan perkhidmatan kami; dan/atau
- i. Data yang disimpulkan (data tersirat) yang dijana oleh sistem automatik atau kecerdasan buatan seperti profil tingkah laku, skor risiko, atau keutamaan perkhidmatan berdasarkan interaksi anda dengan produk dan perkhidmatan kami.

2.3 Kami mungkin memperoleh maklumat ini daripada anda sendiri atau melalui pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. interaksi anda dengan kami, seperti maklumat yang diberikan dalam borang permohonan (secara fizikal atau dalam talian), pendaftaran akaun, dan penggunaan produk serta perkhidmatan kami;
- b. sumber lain yang telah anda memberikan persetujuan, termasuk aktiviti anda dengan TNG eWallet, pedagang serta transaksi yang dibuat menggunakan produk dan perkhidmatan kami;
- c. maklumat yang anda berikan apabila anda memohon untuk mana-mana produk dan perkhidmatan kami, termasuk maklum balas, tinjauan, pertandingan dan promosi;
- d. komunikasi bertulis seperti aduan atau isu berkaitan perkhidmatan, yang kami gunakan untuk memberikan maklum balas kepada anda dan menyelesaikan perkara yang dibangkitkan;
- e. data penggunaan daripada laman web, produk dan perkhidmatan kami, termasuk pengurusan akaun, sejarah transaksi dan rekod pembayaran;
- f. komunikasi lisan dan bertulis dengan kami dan/atau ejen diberi kuasa kami melalui SMS, telefon, aplikasi mudah alih, e-mel, surat, laman web, pelayar, media sosial dan/atau mana-mana saluran lain;
- g. rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV) di premis kami atau di lokasi di mana produk atau perkhidmatan Pengecaman Frekuensi Radio (RFID) atau Pengecaman Plat Nombor (LPR) kami ditawarkan;
- h. maklumat daripada badan kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang dan agensi pelaporan kredit seperti Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Perkhidmatan Maklumat Kewangan (FIS), atau entiti lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa lain, termasuk bank;
- i. data daripada tuntutan bayaran balik, penyelesaian atau padanan, serta dokumen-dokumen berkaitan; dan/atau
- j. maklumat yang dikumpulkan apabila anda melawat laman web kami dan/atau memuat turun aplikasi peranti mudah alih kami, yang mungkin merangkumi alamat IP peranti anda atau daripada data yang dikumpulkan melalui kuki.

3. CARA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

3.1 Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk satu atau lebih daripada tujuan-tujuan berikut:

- a. Perhubungan Pelanggan dan Pengurusan Akaun

- i. untuk memproses pendaftaran, permohonan, pesanan, permintaan, maklum balas, pertanyaan atau aduan anda yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami.
 - ii. untuk mengurus dan menyelenggara akaun anda dengan kami termasuk kemas kini, penyatuan atau penambahbaikan rekod kami.
- b. **Penyampaian Perkhidmatan dan Pengalaman Pengguna**
 - i. untuk meningkatkan pengalaman anda dengan platform digital kami, termasuk menambah baik kebolehgunaan serta memaklumkan anda tentang sebarang kemas kini atau perubahan.
 - ii. untuk memberikan sokongan pelanggan, pengesahan data, memproses bayaran balik, menjalankan penyelidikan pasaran dan tinjauan kepuasan, serta menilai minat anda terhadap tawaran kami.
 - iii. untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada pemprosesan maklumat, pengurusan dan penambahbaikan data, perlombongan data serta analisis terhadap transaksi anda dengan kami.
 - iv. untuk bekerjasama dengan syarikat sekutu, rakan kongsi dan penyedia perkhidmatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lancar, termasuk integrasi sistem dan migrasi data.
- c. **Pemasaran dan Promosi**
 - i. untuk berkongsi tawaran, kemas kini dan promosi daripada kami atau rakan kongsi dan/atau syarikat sekutu kami yang dipercayai melalui e-mel, SMS, media sosial atau saluran lain.
 - ii. untuk mengurus peraduan, promosi dan kempen khas.
- d. **Penambahbaikan Produk dan Perkhidmatan**
 - i. untuk memahami cara anda berinteraksi dengan perkhidmatan kami serta mengenal pasti corak penggunaan dan keutamaan.
 - ii. untuk menguji, membangunkan dan menambah baik ciri atau perkhidmatan baharu yang selaras dengan keperluan anda.
 - iii. untuk menganalisis data dan trend bagi penambahbaikan berterusan.
 - iv. untuk menghasilkan laporan dan statistik tanpa nama bagi tujuan analisis dan perancangan.
- e. **Perundangan, Pematuhan dan Pengurusan Risiko**

- i. untuk menjalankan penilaian kredit dan menilai tingkah laku pembayaran balik.
- ii. untuk memenuhi obligasi perundangan, kawal selia dan audit, termasuk pematuhan terhadap undang-undang yang terpakai, sekatan serta keperluan penzahiran.
- iii. untuk mengesan, mencegah dan menyiasat fraud, pengubahan wang haram serta aktiviti lain yang menyalahi undang-undang.
- iv. untuk membangunkan dan mengekalkan model pengurusan risiko bagi tujuan audit, pematuhan dan integriti operasi.
- v. untuk melindungi dan menguatkuasakan hak undang-undang kami, termasuk pemulihan hutang, penyelesaian pertikaian serta perlindungan terhadap aset kami dan aset rakan kongsi kami.
- vi. untuk memindah atau menyerahkan hak dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian dengan anda, jika perlu atau dibenarkan oleh undang-undang.
- vii. untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kawal selia yang dikenakan oleh pihak berkuasa atau proses kehakiman.

3.2 Kuki dan Teknologi Penjejakan

- a. Kami mungkin menggunakan kuki dan teknologi serupa untuk meningkatkan pengalaman anda, mengingatkan keutamaan anda, mengesyorkan produk atau kandungan, serta menganalisis penggunaan.
- b. Anda boleh melaraskan tetapan pelayar atau peranti anda untuk mengurus atau menyahaktifkan alat-alat ini. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut mungkin menjejaskan kegunaan ciri tertentu atau perkhidmatan yang diperibadikan.

3.3 Pemprosesan Automatik dan Kecerdasan Buatan

- a. Kami mungkin menggunakan sistem automatik, termasuk kecerdasan buatan, untuk memproses maklumat peribadi anda bagi tujuan seperti memperibadikan perkhidmatan, pengesanan penipuan, penilaian risiko, dan kecekapan operasi. Sistem ini mungkin menganalisis interaksi, kecenderungan, dan tingkah laku anda untuk menjana pandangan atau membuat keputusan yang menyokong perkhidmatan kami.
- b. Sekiranya pemprosesan sedemikian memberi kesan yang signifikan kepada anda, kami akan memastikan langkah perlindungan yang sewajarnya dilaksanakan, termasuk hak untuk meminta campur tangan manusia, menyatakan pandangan anda, atau mencabar keputusan tersebut.

3.4 Laman Pihak Ketiga dan Perkhidmatan Berkaitan

- a. Kami mungkin menggunakan pihak ketiga untuk menjejak keberkesanan pengiklanan. Pihak ketiga ini tidak mengumpul sebarang maklumat peribadi.
- b. Laman web, portal, platform dan aplikasi kami mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga atau menggabungkan produk dan perkhidmatan. Produk dan perkhidmatan kami juga mungkin menggunakan atau menawarkan produk atau perkhidmatan daripada pihak ketiga. Tawaran pihak ketiga ini mungkin mengumpul maklumat seperti data lokasi atau butiran hubungan, yang tertakluk kepada dasar privasi dan amalan pihak ketiga tersebut.
- c. Sila ambil perhatian bahawa laman, produk dan perkhidmatan pihak ketiga ini tidak diliputi oleh Notis Privasi ini. Kami amat menggalakkan anda untuk menyemak dasar privasi laman, produk atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut sebelum menggunakannya atau menyerahkan sebarang maklumat peribadi. TNG tidak menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti terhadap kandungan, amalan privasi atau keselamatan laman web luaran tersebut.

- 3.5 Persetujuan untuk Tujuan Baharu: Kami akan mendapatkan persetujuan anda sebelum menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan yang tidak dinyatakan dalam Notis Privasi ini atau perjanjian anda dengan TNG.

4. DENGAN SIAPA MAKLUMAT PERIBADI ANDA DIKONGSI

- 4.1 Untuk mengendalikan, mengurus dan menyampaikan produk serta perkhidmatan kami, dan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini, anda memberikan persetujuan dan memberi kuasa kepada kami untuk berkongsi maklumat peribadi dan/atau maklumat akaun anda dengan:

- a. entiti yang berkaitan dengan Touch 'n Go Sdn Bhd termasuk CIMB Group Holdings Bhd* dan gabungan, TNG Digital Sdn Bhd**;
- b. pihak ketiga yang dilantik untuk menyokong operasi kami, termasuk ejen, syarikat gabungan, penyedia perkhidmatan, kontraktor, pedagang, rakan kongsi perniagaan, peguam dan/atau penasihat profesional (serta kakitangan, pengarah, sub-kontraktor dan ejen masing-masing), termasuk mana-mana entiti yang tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan terhadap kami dan yang telah beraku janji untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat tersebut;
- c. institusi kewangan dan entiti lain yang membantu dalam pemprosesan atau penyempurnaan transaksi anda, termasuk TNG Digital Sdn Bhd bagi perkhidmatan yang diakses melalui eWallet;
- d. organisasi yang membantu kami dalam menyampaikan perkhidmatan nilai tambahan dan/atau menyampaikan maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan kepada anda;

- e. badan pengawal selia, badan berkanun dan kerajaan termasuk Bank Negara Malaysia, agensi penguatkuasaan undang-undang, mahkamah, badan penyelesaian pertikaian dan wakil-wakil yang dilantik oleh mereka;
- f. depository pusat atau ejen depository yang berkaitan dengan industri sekuriti;
- g. jabatan insolvensi dan ejen pemulihan hutang yang dilantik oleh kami;
- h. individu atau organisasi yang terikat dengan obligasi kerahsiaan;
- i. Mana-mana pihak yang kami anggap perlu bagi membantu sebarang siasatan berkaitan penipuan dan/atau aktiviti haram;
- j. pemegang amanah, benefisiari, pentadbir, wasi dan penasihat yang diberi kuasa oleh anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan atau penasihat profesional lain);
- k. mana-mana individu yang telah anda beri kuasa untuk bertindak bagi pihak anda berhubung dengan akaun, produk atau perkhidmatan anda; dan/atau
- l. mana-mana individu yang terlibat dalam penguatkuasaan atau perlindungan hak kami di bawah perjanjian dengan anda, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

Nota:

* Touch 'n Go Sdn Bhd ialah anak syarikat milik penuh CIMB Group Holdings Bhd.

** TNG Digital Sdn Bhd ialah syarikat bersekutu kepada Touch 'n Go Sdn Bhd.

Penzahiran maklumat berkaitan kad Touch 'n Go dan/atau Tag RFID yang didaftarkan

4.2 Jika kad Touch 'n Go atau Tag RFID didaftarkan di bawah akaun orang lain, tetapi anda:

- a. memegang dan/atau menggunakan kad Touch 'n Go atau Tag RFID tersebut; dan/atau
- b. diberi kuasa oleh pemilik berdaftar untuk berurusan dengan TNG berkenaan perkara berkaitan kad Touch 'n Go atau Tag RFID tersebut.

TNG tidak akan menzahirkan sebarang maklumat berkaitan kad Touch 'n Go atau Tag RFID kepada anda melainkan anda mengemukakan surat kebenaran rasmi daripada pemilik berdaftar dan TNG berhak untuk menghubungi pemilik berdaftar bagi mengesahkan kebenaran tersebut. Jika pemilik berdaftar tidak dapat dihubungi, anda mesti mengesahkan transaksi yang dilakukan menggunakan kad Touch 'n Go atau Tag RFID dan mengemukakan pengesahan bertulis kepada TNG yang menyatakan bahawa anda adalah pemegang dan pengguna semasa kad Touch 'n Go atau Tag RFID tersebut.

5. CARA KAMI MEMPROSES DAN MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA

5.1 Pemindahan Maklumat Peribadi Anda Ke Luar Malaysia

Kami mungkin memindahkan maklumat peribadi anda ke negara luar Malaysia. Apabila kami berbuat demikian, kami akan memastikan bahawa maklumat peribadi anda kekal dilindungi dan dikendalikan selaras dengan Notis Privasi ini serta undang-undang perlindungan data yang berkaitan. Ini termasuk menilai tahap perlindungan data di negara berkenaan dan meletakkan perlindungan undang-undang apabila perlu.

5.2 Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

- a. Kami menganggap maklumat peribadi anda sebagai aset yang penting dan mengambil langkah untuk memastikan ia kekal selamat dan terjamin. Bagi melindungi maklumat peribadi anda daripada kehilangan, kecurian, penyalahgunaan, akses tanpa kebenaran, penzahiran, perubahan atau pemusnahan, kami melaksanakan pelbagai langkah perlindungan fizikal, pentadbiran dan teknikal. Amalan keselamatan kami juga dikaji semula dan dikemas kini secara tetap bagi memastikan pematuhan kepada piawaian semasa.
- b. Kami melaksanakan langkah perlindungan bagi memastikan maklumat peribadi yang diproses oleh sistem kecerdasan buatan adalah selamat, adil, dan telus. Ini termasuk audit berkala, langkah-langkah pengurangan bias, serta memastikan sistem AI beroperasi dalam batas etika dan undang-undang.
- c. Kakitangan kami dilatih untuk mengendalikan maklumat peribadi dengan sewajarnya. Kegagalan untuk mematuhi piawaian perlindungan data kami boleh dikenakan tindakan tatatertib, selaras dengan dasar dalaman kami.

5.3 Penyimpanan Maklumat Peribadi Anda

Kami hanya menyimpan maklumat peribadi anda selama mana ia diperlukan untuk menyokong hubungan anda dengan kami. Ini termasuk semasa akaun anda masih aktif, semasa kami menyediakan produk atau perkhidmatan kepada anda, atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Pengurusan maklumat peribadi anda akan dilakukan selaras dengan Notis Privasi ini, perjanjian antara anda dan kami, dasar penyimpanan dalaman kami, dan undang-undang yang terpakai.

5.4 Batasan Disebabkan Oleh Maklumat Peribadi Yang Tidak Lengkap

Beberapa maklumat peribadi diperlukan apabila anda memohon dan/atau menggunakan produk atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan maklumat tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda, memberikan maklum balas terhadap permintaan atau aduan anda, atau menawarkan produk atau perkhidmatan kami kepada anda.

6. HAK ANDA TERHADAP MAKLUMAT PERIBADI ANDA

6.1 Akses dan Pembetulan

- a. Anda berhak untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda. Sekiranya anda percaya bahawa maklumat yang kami simpan adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemas kini, anda boleh mengemukakan

permintaan ke careline@touchngo.com.my atau privacy@touchngo.com.my atau dengan mengunjungi Pusat Perkhidmatan atau Hab TNG yang terdekat.

- b. Kami akan berusaha untuk memberikan maklum balas dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh permintaan diterima bersama sebarang bayaran pemprosesan yang berkenaan (jika terpakai).
- c. Anda berhak untuk meminta maklumat terpilih dalam format boleh dibaca oleh mesin, tertakluk kepada yuran dan caj yang berkenaan.
- d. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin tidak dapat memberikan akses kepada maklumat peribadi anda — sebagai contoh, jika kami tidak dapat mengesahkan identiti anda, jika maklumat yang diminta bersifat sensitif secara komersial, atau jika kami menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memaklumkan kepada anda alasan tersebut.
- e. Kami juga mungkin memerlukan dokumen sokongan untuk mengesahkan sebarang pengemaskinian atau pembetulan bagi mengelakkan fraud dan memastikan ketepatan maklumat.

6.2 Persetujuan dan Keutamaan Penggunaan

- (a) Anda boleh memilih bagaimana maklumat peribadi anda digunakan, disimpan atau dizahirkan, tertakluk kepada kewajipan undang-undang dan kontrak kami. Sekiranya anda ingin menarik balik persetujuan anda atau menghadkan cara kami menggunakan maklumat peribadi anda, anda boleh menghubungi kami di careline@touchngo.com.my atau privacy@touchngo.com.my. Sila ambil perhatian bahawa tindakan ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk menyediakan produk atau perkhidmatan tertentu, dan anda mungkin tidak lagi dapat menggunakannya. Kami mungkin dikehendaki untuk menyimpan maklumat peribadi tertentu bagi mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa atau memenuhi kewajipan kontrak. Walaupun kami tidak menyimpan maklumat peribadi lebih lama daripada yang diperlukan, kami mungkin tidak dapat memadamkan maklumat peribadi anda walaupun persetujuan telah ditarik balik.
- (b) Sekiranya maklumat peribadi anda diproses menggunakan sistem pemprosesan keputusan automatik atau kecerdasan buatan, kami akan mendapatkan persetujuan nyata anda sekiranya dikehendaki oleh undang-undang, terutamanya dalam kes yang melibatkan data peribadi sensitif. Anda boleh menarik balik persetujuan ini pada bila-bila masa, tertakluk kepada keperluan undang-undang dan kontrak yang sama.

6.3 Keutamaan Komunikasi

Sesetengah komunikasi seperti e-mel, surat berita, penyata akaun dan/atau notis adalah sebahagian daripada penyampaian perkhidmatan standard kami. Kandungan ini mungkin termasuk maklumat umum mengenai produk dan perkhidmatan kami. Kandungan sedemikian tidak boleh dibuang tanpa menjejaskan operasi akaun anda, penyampaian perkhidmatan atau mengakibatkan kos tambahan.

6.4 Memastikan Maklumat Anda Sentiasa Dikemas Kini

Sila pastikan maklumat peribadi anda (seperti alamat surat-menyurat, e-mel dan nombor telefon anda) adalah terkini, lengkap dan tepat. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami sebarang perubahan selaras dengan Klausa 6.1 (Akses dan Pembetulan) bagi memastikan semua surat-menyurat dan/atau komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya dan bagi membolehkan kami memberi perkhidmatan dengan lebih berkesan.

7. HUBUNGI KAMI

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Notis Privasi ini atau cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi Pasukan Talian Khidmat Pelanggan kami atau Pejabat Perlindungan Data di maklumat perhubungan berikut:

Telefon	+60327148888 (Isnin hingga Jumaat dari jam 8am hingga 8pm)
E-mel	careline@touchngo.com.my privacy@touchngo.com.my
Alamat	Touch 'n Go Sdn Bhd Level 6, Tower 6, Avenue 5, Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur Malaysia

8. KEMAS KINI NOTIS PRIVASI INI

Notis Privasi ini mungkin dikemas kini dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, kami akan memaklumkan anda melalui laman web kami atau saluran komunikasi lain yang bersesuaian. Dengan meneruskan penggunaan produk atau perkhidmatan kami selepas kemas kini tersebut diterbitkan, anda dianggap telah menerima Notis Privasi yang telah disemak semula. Kami menggalakkan anda untuk menyemak Notis Privasi ini dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai cara kami mengurus dan melindungi maklumat peribadi anda.

9. BAHASA

Notis Privasi ini juga disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketaksaaan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.